

08/09/2003

Kajian dedahkan televisyen pengaruhi remaja ganas

Hasliza Hassan

SALAH laku remaja terutama pelajar membimbangkan ramai pihak. Kebelakangan ini, masyarakat didedahkan dengan pelbagai kegiatan salah laku remaja seperti gangsterisme di sekolah berasrama penuh.

Ada pelbagai sebab mendorong mereka liar dan ganas, sehingga bertindak di luar batasan sebagai remaja atau pelajar.

Salah satu daripadanya ialah pengaruh media, terutama filem dan program televisyen yang mengandungi unsur keganasan dan seks.

Perdana Menteri ketika diminta mengulas penyingkiran 20 pelajar tingkatan lima Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Perak kerana cuba menghidupkan budaya samseng dikenali 'High Council', baru-baru ini, berkata semua itu datang daripada idea menonton program berbentuk keganasan di televisyen.

"Pendapat saya mudah saja. Saya dapati terlalu banyak filem berkaitan seks dan keganasan dari luar negara. Tak ada cerita lain, cuma seks, keganasan, terminator itu, terminator ini, tembak...bunuh," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, meskipun ada pihak mahu kerajaan membuat tapisan tayangan, pihak lain pula menyatakan tidak, kononnya itu kebebasan, "tetapi sebenarnya kebebasan untuk membunuh orang juga sekarang ini."

Namun, ada pihak yang menolak faktor itu dan menggariskan sebab lain seperti tiada didikan sempurna, kurang pengawasan ibu bapa dan latar belakang keluarga pelajar terbabit.

Tidak dinafikan faktor itu berkait rapat, namun perlu diakui kanak-kanak atau remaja mudah meniru apa yang mereka lihat, baca atau tonton. Banyak kajian yang membuktikan kaitan pengaruh media dengan tingkah laku seseorang.

Pengaruh media memberi kesan kuat kepada pemikiran dan tingkah laku remaja kerana mereka belum matang dan kurang faham mengenai apa yang dilihat, baca atau tonton.

Hakikat itu juga dapat dilihat melalui hasil kajian bertajuk Delinkuensi Juvana - Sebuah Laporan Kajian terhadap sampel pesalah laku juvana daripada dua sekolah pemulihan dan asrama akhlak untuk perempuan, tahun lalu.

Kajian yang dibiayai Yayasan Pencegah Jenayah Malaysia bertujuan menyelidik faktor yang mungkin menjadi penyebab kumpulan sampel berkelakuan lain daripada remaja juvana biasa.

Pakar Perunding Psikiatrik Kanak-Kanak dan Remaja yang terbabit dalam kajian itu, Profesor Dr Kasmini Kassim, berkata berdasarkan kajian terhadap remaja lelaki dan perempuan yang terjebak dalam salah laku jenayah, terbukti media turut mempunyai pengaruh kuat dalam membentuk sikap ganas mereka.

Katanya, kajian menunjukkan ada hubungan jelas di antara program televisyen yang menyiarkan filem ganas dengan sikap agresif kanak-kanak atau remaja yang masih cuba mengenali dunia.

"Hubungan ini paling ketara, terutama kepada kanak-kanak lelaki yang mempunyai karektor ganas, kanak-kanak perempuan berkelakuan seperti lelaki dan kanak-kanak yang kurang bijak dari segi sosial dan intelek," katanya.

Dr Kasmini berkata, kajian pengaruh media turut memperlihatkan penemuan di luar jangkaan yang menunjukkan remaja lelaki biasa (tidak terbabit jenayah) memperuntukkan masa lebih panjang menonton televisyen.

Katanya, penemuan kajian menunjukkan program televisyen mempunyai pengaruh besar terhadap remaja bermasalah dalam pelbagai cara walaupun masa yang diluangkan untuk menonton adalah kurang berbanding remaja tidak bermasalah.

Kumpulan remaja lelaki tidak bermasalah meluangkan purata menonton 26.02

jam seminggu tetapi tidak terpengaruh dengan aksi watak yang ditonton.

Sebaliknya, remaja lelaki bermasalah tidak banyak menghabiskan masa di depan televisyen tetapi mereka cepat terpengaruh dan suka meniru watak pelakon yang ditonton.

Masa yang diperuntukkan walaupun tidak panjang, namun mereka cepat dipengaruhi oleh kelakuan yang ditonjolkan termasuk cara pakaian, fesyen rambut, gaya bercakap dan berjalan, sikap terhadap keluarga, hubungan peribadi, kehidupan seharian dan cara menangani masalah.

Remaja bermasalah juga mengaku mereka lebih suka menonton program berkaitan peperangan, aksi dan kisah percintaan berbanding remaja yang tidak terbabit dengan salah laku juvana.

Mengikut kajian itu, 59.5 peratus sampel remaja lelaki bermasalah melaporkan bahawa mereka lebih gemar menonton program aksi lasak berbanding 34.1 peratus remaja perempuan bermasalah dan 53.5 peratus remaja lelaki tidak bermasalah.

Dalam usaha untuk melihat hubungan di antara jumlah masa menonton televisyen dan pengaruh media ke atas kategori jenayah yang berlainan, satu analisis tambahan dijalankan.

Hasil kajian menunjukkan remaja juvana yang melakukan kesalahan berkaitan dadah menghabiskan masa lebih panjang menonton televisyen berbanding remaja yang melakukan kesalahan lain.

Kumpulan remaja berkenan secara puratanya memperuntukkan kira-kira lima jam sehari untuk menonton televisyen berbanding remaja bermasalah lain.